

# 2,775 pelajar UTHM bakal bergraduasi

Oleh **HAMDAN TAWADI**

utusanjohor@utusan.com.my

**BATU PAHAT** 21 Okt. - Seramai 2,775 graduan bakal menerima diploma dan ijazah masing-masing sempena Konvokesyen Ke-12 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), pada 3 dan 4 November ini.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin berkata, graduan-graduan itu merangkumi pelbagai peringkat pengajian iaitu Ijazah Doktor Falsah seramai tujuh orang, Sarjana (370), Sarjana Muda (2,074) dan Diploma (324).

"Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar selaku Canselor UTHM dijangka menyempurnakan sidang pertama majlis konvokesyen yang akan berlangsung pukul 9 pagi, 3 November ini.

"Sementara itu, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim selaku Pro Canselor UTHM dijangka menyempurnakan sidang ketiga majlis konvokesyen pada



**MOHD. NOH DALIMIN**

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM, Prof. Dr. Wahid Razzaly, Pendaftar UTHM, Sulam Hamid dan Pegawai Daerah, Ab. Wahab Ridwan.

Pada majlis itu, Mohd. Noh turut menyampaikan replika tajaan akhbar *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia* bernilai RM2,800 kepada Eksekutif Pemasaran Utusan, Ahmad Hatim Mohd. Said Putra. Akhbar tersebut akan diedarkan kepada orang ramai pada majlis konvokesyen itu.

Mohd. Noh berkata, konvokesyen kali ini bakal menyaksikan penganugerahan Prof. Emeritus kepada Prof. Ir. Mohammad Zainal Md. Yusuf bagi menghargai sumbangannya dalam bidang pendidikan khususnya di UTHM.

Katanya, Mohammad Zainal merupakan dekan pertama di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) UTHM dan berkhidmat untuk jawatan itu sehingga

sebagai profesor kontrak di fakulti sama.

"Beliau juga menyandang beberapa jawatan penting seperti mentor untuk jurutera siswazah dan merupakan panel pemeriksa kelayakan jurutera profesional Institut Jurutera Malaysia (IEM) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM).

"Selain itu beliau adalah ahli panel penilai

Majlis Akreditasi Kejuruteraan Malaysia (EAC), Pengerusi Jawatankuasa Buku Teks Pengajian Kejuruteraan Mekanikal dan Ahli Jawatankuasa Teknikal Penilaian Standard (JPTS) Kementerian Sumber Manusia," katanya.

Mohd. Noh berkata, UTHM turut menjemput orang ramai mengunjunginya pesta konvokesyen di padang kawad universiti itu

bermula 2 hingga 7 November ini.

Katanya, pelbagai acara telah diatur antaranya, karnival kerjaya, pertandingan kompang terbuka 1Malaysia, debat 3,108 minit tanpa henti, kursus fotografi, malam kebudayaan, seminar pengurusan kewangan, majlis kesyukuran graduasi dan pelbagai gerai jualan.